

**TINJAUAN MENGENAI KATEGORI MASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR TAHUN
SATU, FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
SKUDAI, JOHOR DARUL TAKZIM.**

Hassan Bin Hushin & Vaskalista Dua Nurak Pelipos
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh para pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Begitu juga dengan mengenalpasti masalah utama dari segi demografi (jantina, kursus pengajian dan aliran sekolah menengah). Jumlah responden yang terlibat adalah seratus dan tiga puluh orang. Instrumen kajian yang digunakan adalah ‘Mooney Problem Check List’ (MPCL). Cara data kajian dikumpulkan adalah melalui soal selidik dan diproses dengan SPSS/PC+. Hasil kajian yang didapati oleh penyelidik menunjukkan kategori masalah yang paling mengganggu para pelajar ialah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan (42.3%), penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik (30.9%), pelajaran dan kerjaya masa depan serta perhubungan peribadi dan psikologi (emosi) dengan peratus yang sama (21.5%). Manakala kategori masalah yang kurang mengganggu pelajar ialah rumah tangga dan keluarga (8.9%), moral dan agama (8.1%) serta kesihatan dan pertumbuhan jasmani (4.9%). Oleh itu, beberapa cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah tersebut.

Abstract: The purpose of this research is to identify the main problem’s categories faced by first year students of Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. Besides, there is a need to identify the problem based on demography (sex, course, and stream during secondary school). Total respondents were hundred and thirty persons. ‘Mooney Problem Check List’ (MPCL) was the research’s instrument. The data was collected by using questionnaire and analysed by SPSS/PC+. From the study, the most distracting factors faced by the student were financial, life situation and job (42.3%), the ability to overcome academic’s assignments (30.9%), followed by studies and future careers and personal relationship and psychology with the same percent (21.5%). While the less disturbances were families (8.9%), moral and religion (8.1%) and health and physical growth (4.9%). Therefore, few suggestions were made to overcome the problems.

Katakunci: demografi, masalah, pelajar tahun satu

Pengenalan

Banyak kajian sama ada di dalam atau luar negara menunjukkan pelajar-pelajar universiti menghadapi masalah. Sepertimana masalah-masalah lain seperti masalah di tempat kerja, masalah keluarga dan masalah kehidupan, jika tidak mempunyai daya tindak yang baik akan memberi kesan mendalam kepada individu yang mengalaminya. Apa yang paling penting ialah bagaimana pelajar-pelajar universiti dapat berdaya tindak terhadap masalah-masalah yang dihadapi di samping mempunyai sistem bantuan dan sokongan yang baik.

Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai masalah yang biasa melanda di kalangan mahasiswa. Para pelajar terutamanya yang baru melangkah ke menara gading sudah tentu menghadapi pelbagai masalah dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran baru yang berbeza berbanding sebelum ini.

Namun, kategori masalah utama yang dihadapi oleh golongan pelajar ini tidak diketahui. Oleh yang demikian, penyelidik ingin mengenalpasti kategori masalah yang dihadapi oleh para pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), khususnya Pelajar Tahun Satu (sesi 2007/2008) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti yang tersenarai di bawah:

- i. Mengenalpasti kategori-kategori masalah yang dihadapi oleh para pelajar Tahun Satu, Fakulti Pendidikan di Universiti Teknologi Malaysia.
- ii. Mengenalpasti masalah dari segi demografi terpilih (jantina, kursus pengajian dan aliran di sekolah menengah).

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting untuk mendapatkan maklumat tentang kategori masalah yang melanda para pelajar yang pertama kali menjelaskan kaki ke universiti. Di samping itu, kajian ini juga penting untuk melihat hubungan kategori masalah dengan faktor demografi.

Dengan adanya kajian ini, ia boleh dijadikan satu garis panduan bagi para pelajar dan pihak universiti untuk membendung permasalahan ini daripada menjadi kritikal dan seterusnya memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam menangani perkara ini secara efektif.

Hasil kajian juga dapat dimanfaatkan untuk membantu para pelajar dalam menyediakan diri dengan panduan dan pengetahuan yang bersesuaian bagi menggalakkan gaya hidup yang positif sejak dari peringkat awal mereka berada di universiti.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Jumlah semua pelajar Tahun Satu di Fakulti Pendidikan adalah seramai 196 orang pelajar daripada 7 buah kursus yang ditawarkan Populasi dalam kajian ini diperolehi daripada Timbalan Pendaftar, Fakulti Pendidikan, UTM Kampus Skudai. Saiz sampel kajian ditentukan berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Kaedah Pensampelan

Di dalam kajian ini, proses pensampelan yang dijalankan adalah secara rawak sistematik berlapis dalam populasi, iaitu dengan cara responden dipilih secara rawak berdasarkan bilangan yang ditetapkan daripada tujuh kursus yang ditawarkan. Kaedah pensampelan jenis ini dipilih kerana pengedaran borang soal selidik mudah dilaksanakan. Bilangan sampel yang diambil adalah seramai 130 daripada jumlah populasi 196 orang.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah *Mooney Problem Check List* atau MPCL. Instrumen ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

Bahagian A – Biodata responden

Bahagian B – Sebelas kategori masalah yang mengganggu responden

Bahagian C – Sebelas kategori masalah dan setiap satu mengandungi dua puluh item.

Bahagian A (Biodata)

Bahagian ini mengandungi maklumat mengenai jantina, kursus pengajian di UTM dan aliran semasa di sekolah menengah.

Bahagian B (Kategori Masalah)

Bahagian ini mengandungi 11 kategori masalah utama. Responden diminta membulatkan masalah-masalah yang mengganggu mereka.

Bahagian C (Item Kategori Masalah)

Terdapat 20 item bagi setiap kategori masalah (sebanyak 11 kategori masalah). Responden diminta untuk menjawab sebanyak 220 item kesemuanya.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Beberapa penyelidik seperti Mooney dan Gordon (1950), Lai Kuan Seng (1996), Ahmad Tulka (1997), Akla Bin Su (2004), Tan Hong Goon (2004) yang telah menggunakan MPCL dalam penyelidikan mereka telah membuktikan kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Mooney mendapat nilai “Alpha” = 0.93.

Perbincangan

Kajian-kajian lepas oleh beberapa penyelidik telah membuktikan bahawa terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh pelajar dan menyebabkan kurangnya motivasi pelajar dalam pelajaran. Dalam kajian ini, kita boleh melihat apakah kategori-kategori dalam suatu masalah dan melihat perkaitannya terhadap latar belakang responden. Dengan adanya kajian ini, para pelajar tahun pertama Fakulti Pendidikan dapat mengenalpasti masalah mereka justru cuba untuk mengurangkan persoalan yang dihadapi.

Keputusan kajian dalam Bab 4, menunjukkan bahawa kategori masalah utama yang mengganggu pelajar adalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan (42.3%). Keputusan kajian ini adalah sama dengan kajian yang dilakukan oleh Lai Kuan Seng (1996), dan Dahari (2000). Item-item utama dalam kategori masalah ini adalah item perlu belajar menyimpan wang (58.5%), ingin mendapat wang untuk diri sendiri (49.6%), dan sedikit wang belanja untuk hiburan (47.2%).

Masalah seterusnya adalah bagi kategori penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik (30.9%), pelajaran dan kerjaya masa depan dan perhubungan peribadi dan psikologi (emosi) dengan peratus yang sama (21.5%). Dapatkan kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik dan pihak-pihak berkaitan mengenalpasti apakah punca-punca masalah para pelajar dan seterusnya mencari cara untuk mengatasi masalah yang dinyatakan. Di samping juga, maklumat ini diharapkan dapat membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar secara tidak langsung.

Merujuk kepada kursus pengajian, item yang paling mengganggu pelajar bagi kategori masalah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan adalah perlu belajar menyimpan wang iaitu dengan peratus 85.0% (SPC), 84.6% (SPH), 63.2% (SPI), 47.4% (SPK), 48.5% (SPL), 70.6% (SPM) dan 60.2% (SPS).

Berdasarkan kepada jantina pula, item yang paling mengganggu pelajar bagi kategori kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan adalah item perlu belajar menyimpan wang dengan peratus 76.2% bagi lelaki dan 54.1% bagi perempuan.

Merujuk kepada aliran semasa di sekolah menengah pula, item yang paling mengganggu pelajar bagi kategori kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan adalah item yang sama iaitu perlu belajar menyimpan wang iaitu dengan peratus 76.8% bagi aliran sains dan 79.2% bagi aliran sastera.

Rumusan

Hasil daripada keputusan kajian menunjukkan bahawa kategori masalah utama yang paling tinggi peratusnya ialah kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan, diikuti pula dengan kategori penyesuaian terhadap kerja-kerja tugas akademik dan pelajaran dan kerjaya masa depan. Keputusan kajian ini adalah lebih kurang sama dengan kajian yang telah dilakukan oleh Lai Kuan Seng (1996) dan Dahari (2000), di mana mereka mendapatkan kategori kewangan, keadaan kehidupan dan pekerjaan menjadi masalah utama bagi pelajar.

Rujukan

- Adelgan F. and Park D. (1985). Problem of transition for Africa Student in an America University. *Journal of College. Student personal*, 25, 504-508.
- Ahmad Tulka (1997). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah di kalangan Pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (MP)*, UTM, Skudai, Johor. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akla Bin Su (2004). *Satu Tinjauan Kategori Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar Kemasukan Terus Di Kolej 13*, UTM. Projek Sarjana Muda, UTM, Skudai, Johor.
- Dahari Bin Surid (2000). *Hubungan Antara Masalah Pelajar Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (A/E/J) KPDK Di UTM*. Projek Sarjana Muda. UTM, Skudai, Johor.
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Hassan Langgulung (1975). *Perkhidmatan Pelajar-pelajar Di Sekolah-sekolah Malaysia*. Jurnal Pendidikan, 2, 1-9.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributor Sdn. Bhd.
- Heikinheimo P. S and Shute J. C. M (1986). The Adaptation of Foreign Student: Student View and Institutional Implications. *Journal of College Student Personal*, 27, 399-405.
- Imran Jaafar (1993). *Minda Punca Kejayaan*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Ismail Ahmad (2000). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori-Kategori Masalah Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru, Johor*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kamus Dewan (1986). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Krejcie, R.V and Morgan, D.W (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Education and Psychological Measurement, 30, 607-610.

Lai Kuan Seng (1996). *Satu Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Di Kalangan Pelajar-Pelajar Lanjutan Pengajian Pendidikan (LPP)*. Projek Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.